SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BAeK PTPTN BERI HARAPAN BAHARU KEPADA PELAJAR IPTA

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terus komited memastikan pelajar yang layak tidak tercicir daripada melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) kerana kekangan kewangan. Ini selaras dengan aspirasi Kerajaan memperluas akses pendidikan tinggi yang inklusif serta melahirkan modal insan berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

2. Pada hari ini, sesi penyerahan BAeK PTPTN telah diadakan di Tasek Gelugor, Pulau Pinang melibatkan dua (2) orang pelajar Politeknik Seberang Perai yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan PTPTN dan Encik Muhammad Muhsin Abdul Rahman, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang.

3. Inisiatif Biasiswa Anak eKasih PTPTN (BAeK PTPTN) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Belanjawan 2026 merupakan pendekatan keadilan sosial bagi pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan. Melalui pelaksanaan BAeK PTPTN, pinjaman PTPTN diberikan dalam bentuk biasiswa kepada pelajar miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih, mengikuti pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa di IPTA serta diluluskan pinjaman PTPTN mulai 1 Januari 2026.

4. Pengerusi PTPTN, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "Sejak diperkenalkan pada 1 Januari 2026 sehingga 30 September 2026 seramai 1,552 orang pelajar di seluruh negara telah menerima manfaat BAeK PTPTN melibatkan peruntukan berjumlah RM24.76 juta. Menerusi BAeK PTPTN, impian pendidikan tinggi golongan memerlukan dapat direalisasikan melalui sokongan kewangan yang menyeluruh sekali gus memberi dorongan kepada pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik dan memulakan kerjaya tanpa hutang".

5. “Saya menyeru kepada semua pelajar yang telah menerima tawaran BAeK PTPTN tetapi masih belum mengembalikan dokumen tawaran supaya segera melengkapkan dan menyerahkan dokumen tersebut secara fizikal di mana-mana kaunter cawangan PTPTN yang terdekat dalam tempoh 60 hari dari tarikh surat tawaran. Langkah ini penting bagi memastikan urusan pembayaran biasiswa yang dilaksanakan pada setiap semester dapat berjalan dengan lancar, sekali gus membantu pelajar meneruskan pengajian dengan lebih teratur,” katanya.

6. BAeK PTPTN adalah berdasarkan permohonan pinjaman PTPTN yang dibuat melalui aplikasi web myPTPTN. Pelajar akan diluluskan pinjaman PTPTN terlebih dahulu bagi memastikan kelangsungan pengajian pelajar dan ditawarkan BAeK PTPTN sekiranya memenuhi syarat kelayakan. Pelajar akan dimaklumkan melalui e-mel dan mesej notifikasi di aplikasi myPTPTN.

7. Inisiatif BAeK PTPTN membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan latar belakang sosioekonomi bukan penghalang kepada peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Maklumat lanjut berkenaan Biasiswa Anak eKasih PTPTN (BAeK PTPTN) layari portal rasmi www.ptptn.gov.my.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
27 Oktober 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388).